

Pam besar kurangkan paras banjir 'termenung'

Batu Pahat: Banjir 'termenung' yang melanda beberapa kawasan sekitar Ayer Hitam di sini, memerlukan penggunaan pam besar untuk mengurangkan paras air secara lebih menyeluruh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata banjir termenung selalunya berlaku berikutan fenomena air pasang dan struktur kawasan penempatan yang rendah daripada aras laut.

Katanya, berikutan itu, beliau sudah mengarahkan Pegawai Daerah Batu Pahat, Mohd Halim Hasbullah, untuk menyediakan pam bagi mengatasi banjir itu, sekali gus mengelak ancaman penyakit berjangkit disebabkan air bertakung.

"Penggunaan pam dijangka bermula selepas lewatnya esok (hari ini)," katanya selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Suria Perdana, di sini, semalam.

Konsep pemindahan awal

Shahidan berkata, pihaknya kini menggunakan konsep pemindahan awal, bagi mengelak masalah lebih serius setiap kali berlaku banjir atau banjir kilat.

"Menerusi konsep pindah sebelum banjir ini, banyak perkara dapat diselamatkan termasuk barangan dan nyawa penduduk itu sendiri.

"Saya faham, negara berdepan kemungkinan banjir di beberapa kawasan, namun jika urusan pencegahan dibuat lebih awal, ia mungkin dapat dikawal secara lebih berkesan, sekali gus mengurangkan kes kehilangan nyawa atau kerosakan harta benda," katanya.

Setakat ini seramai 365 mangsa daripada 103 keluarga, ditempatkan pada tiga pusat pemindahan sementara iaitu SMK Suria Perdana, Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Paya dan SK Parit Bingan.

Antara kampung terjejas termasuklah Parit Londang Laut, Parit Londang Darat, Seri Paya, Parit Salleh Khairon, Parit Haji Hamid, Parit Semerang, Parit Kuari, Parit Nipah, Parit Bingan dan Parit Lapis Nipah.